

21/10/1998

Dr M harap Azizah tidak ditahan

TOKYO, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap polis tidak akan menahan isteri bekas Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana menyokong secara langsung tunjuk perasaan bagi membela suaminya yang kini ditahan reman di penjara.

Secara peribadi, kata Perdana Menteri, beliau berasa kasihan terhadap Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang nampaknya cuba memaksa polis supaya menangkapnya.

"Beliau melakukan sesuatu yang betul dengan menyokong suaminya tetapi saya harap polis tidak akan menangkapnya," kata Dr Mahathir mengenai kehadiran Dr Wan Azizah menyokong tunjuk perasaan di Jalan Tuanku Abdul Rahman Sabtu lalu.

Menjawab soalan yang dikemukakan oleh pemimpin perniagaan Jepun dalam satu seminar di sini hari ini, Perdana Menteri bagaimanapun berkata, apa yang dilakukan atau tidak oleh polis adalah urusan mereka sendiri.

"Saya berharap polis tidak menahannya tetapi saya tidak tahu, itu urusan polis. Tetapi idea itu adalah bagi meraih simpati. Misalnya, memakai pembalut leher.

"Tetapi soal mukanya lebam saya tidak dapat jelaskan dan ia masih dalam siasatan," katanya. Dr Mahathir berkata Anwar mempunyai banyak sokongan terutama di kalangan golongan muda yang telah dipupuknya sehingga ke peringkat menjadi penyokong yang fanatik.

Tunjuk perasaan pro-Anwar, katanya, yang bertujuan menjatuhkan kerajaan tidak akan berjaya kerana majoriti besar rakyat Malaysia tidak menyokong 'rusuhan jalanan' seperti yang menggulingkan Presiden Suharto di Indonesia pada Mei lalu.

Perdana Menteri menjelaskan, pemecatan Anwar berbeza dengan tindakan seumpamanya terhadap beberapa menteri lain sebelum ini hanyalah kerana Anwar tidak menerimanya dan membuat bantahan di jalanan bersama penyokongnya untuk menjatuhkan kerajaan.

Anwar, yang tidak mengaku salah atas 10 tuduhan rasuah dan melakukan hubungan seks luar tabii, ditahan reman sementara menunggu perbicaraannya yang dijadual bermula pada 2 November ini.

Pada sidang akhbar yang dihadiri kira-kira 100 wartawan Jepun dan antarabangsa di tempat berasingan, Dr Mahathir, yang ditanya mengapa Kerajaan Malaysia seolah-olah mendapati Anwar bersalah terhadap tuduhan yang dihadapinya sebelum perbicaraan bermula, berkata kerajaan tidak berbuat seperti itu.

"Saya hanya melucutkan jawatannya dalam kerajaan dan itu adalah hak saya sebagai Perdana Menteri. Tetapi media asing sudah membuat keputusan bahawa kerajaan tidak baik. "Andalah yang mensabitkan kesalahan terhadap kerajaan," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau menyambut baik peluang untuk bercakap kepada kumpulan wakil media antarabangsa yang begitu ramai dan meminta mereka membuat laporan adil mengenai Malaysia.

"Malaysia telah diberikan liputan yang sangat buruk dalam tempoh setahun lalu. Bagi anda, tiada apa pun yang kami lakukan itu betul sama ada mengenai dasar ekonomi atau dasar dalam negeri.

"Saya hanya minta anda memberikan kepada kami layanan serupa dengan yang anda beri kepada mereka yang menentang kami. Lagi pun kebebasan akhbar juga bermakna berlaku adil dan akhbar hendaklah berlaku adil kepada kami," katanya.

Menurutnya, jika laporan negatif mengenai Malaysia hendak dipercayai, banyaklah perkara dahsyat berlaku di negara itu tetapi hakikatnya ialah Malaysia mencapai prestasi lebih baik daripada jiran-jirannya yang telah mendapatkan bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

(END)